

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) statistik kediaman mewah, kos sederhana dan kos rendah yang tidak terjual; dan
- (b) justifikasi penganjuran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada warga asing bagi menyelesaikan isu lambakan rumah mewah tidak terjual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Maklumat Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual Suku Kedua Tahun 2019 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) adalah sebagaimana di jadual berikut:

**UNIT RUMAH SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL
MENGIKUT KATEGORI HARGA (SUKU KEDUA TAHUN 2019)**

KATEGORI HARGA	UNIT DILANCARKAN	UNIT TIDAK TERJUAL		NILAI TIDAK TERJUAL (RM JUTA)
		BIL.	%	
BAWAH RM300,000	39,787	11,511	28.9	2,279
RM300,001 -RM500,000	29,946	8,788	29.3	3,387
RM500,001 -RM700,000	25,128	5,217	20.8	3,117
RM700,001 -RM1000,000	14,011	3,081	22.0	2,585
ATAS RM1,000,000	15,252	4,213	27.6	8,391
JUMLAH	124, 124	32,810	26.4	19,760

Jawapan (b)

1. Untuk makluman yang terhormat, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) merupakan program yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia sahaja bagi memiliki kediaman dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan dan diskaun daripada pihak pemaju. Manakala melalui program *Malaysia My Second Home* (MM2H), Kerajaan Malaysia menyediakan satu inisiatif untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merencanakan

ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan dan automobil.

2. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) terdapat 4,213 (12.8%) rumah mewah berharga RM1 juta ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah mewah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli harta tanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Jan 2019 – Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

3. Justeru, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencadangkan agar tindakan segera diambil bagi memastikan lambakan rumah mewah ini terjual dan sekali gus membantu merencanakan kembali ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian mencadangkan agar rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh dijual kepada ekspatriat yang berkelayakan mengikut mekanisme sedia ada Kerajaan melalui program MM2H dan bukanlah melalui HOC seperti yang telah dijelaskan dalam kenyataan media pada 12 September 2019.

Sekian, terima kasih.